

20 JUL 2000

Khalil-Umno

TIADA LAPORAN ANGGOTA UMNO SERTAI AL-MA'UNAH

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata tidak ada laporan anggota Umno menyertai kumpulan Al-Ma'unah.

Katanya, beliau setakat ini masih belum menerima apa-apa laporan rasmi mengenai penglibatan mana-mana anggota parti itu di dalam persatuan itu dari mana-mana bahagian Umno.

"Sungguhpun begitu, saya percaya tiada ahli Umno yang terlibat dengan persatuan ini, dengan persatuan silat biasa memanglah ada," kata Khalil, Menteri Penerangan, kepada pemberita selepas merasmikan sebuah gerbang hiburan MCities.Com Sdn Bhd di sini.

Katanya, beliau yakin bahawa anggota Umno tidak akan menyertai mana-mana persatuan atau badan yang membangkang kerajaan memandangkan mereka sendiri adalah anggota kepada sebuah parti yang mempertahankan kerajaan.

Mengenai wawancara khas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disiarkan melalui semua rangkaian televisyen dan radio malam tadi, beliau berkata kajian awal Kementerian Penerangan mendapati rancangan tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Katanya, ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia sememangnya berminat untuk mengetahui perkara sebenar di sebalik sesuatu kejadian (rompak senjata di Gerik dan pembunuhan dua anggota keselamatan di Sauk).

"Sudah tentu rakyat seharusnya ingin mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang perancangan sebenar golongan ini. Ini melibatkan kita semua kerana tanpa jaminan keselamatan kita tidak akan dapat hidup dengan aman," katanya.

Dalam ucapan perasmianya sebelum itu, Khalil berkata MCities.Com telah berjaya mengintegrasikan dunia hiburan dan dunia internet.

Usaha sebegini, katanya, harus diteruskan sejajar dengan usaha mengembangkan k-ekonomi.

MCities.Com Sdn Bhd ialah sebuah syarikat yang mengintegrasikan dunia internet dan dunia hiburan menerusi sebuah anak syarikatnya iaitu pusat hiburan MCities Live.

-- BERNAMA

NHZ AHH NMO